

09 JUN 1997

Anwar-Rasuah (Bergambar)

ANWAR NAFI GOLONGAN TERTENTU SAHAJA DIDAKWA

KUALA LUMPUR, 9 Jun (Bernama) -- Pemangku Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini menafikan dakwaan kononnya kerajaan hanya bertindak terhadap "orang kecil" sahaja dalam peperangan membasmi amalan rasuah.

"Persepsi demikian tidak benar sama-sekali kerana kita mesti bertindak bersandakarkan kepada bukti tanpa mengira orang kecil atau orang atasan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Minyak Dan Gas Asia '97 di sini.

"Kita serahkan kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) untuk mengambil tindakan sewajarnya dan kita tidak boleh campur tangan dengan siasatan," katanya.

Menurut Anwar siasatan mestilah berdasarkan kepada maklumat yang diterima, dan sehubungan dengan itu, beliau berkata siasatan hendaklah diadakan bagi mengelakkan mereka yang tidak terlibat dengan rasuah daripada menjadi mangsa.

Kepada soalan lain, Anwar berkata pegawai-pegawai tinggi dan pemimpin parti politik mesti diberi laluan bagi menjalankan tugas dengan baik.

"Pada masa yang sama, kita juga beri kebebasan kepada BPR untuk terus mengawasi mereka.

"Kalau ada laporan mengenai sebarang penyelewengan, kenalah dihantar kepada BPR," katanya.

Ketika berucap pada majlis meletakkan batu asas Bangunan Umno Jerlun di Alor Setar semalam, Anwar telah berkata peperangan menghapus rasuah juga meliputi golongan atasan termasuk pemimpin-pemimpin Umno, pemimpin parti komponen Barisan nasional dan pegawai tinggi kerajaan.

Beliau berkata kerajaan tidak akan bertolak ansur dalam usaha memerangi rasuah kerana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed mengingatkan beliau supaya bertegas dalam hal itu.

Terdahulu sewaktu menyampaikan sijil khidmat cemerlang kepada kakitangan Kementerian Kewangan di sini pagi tadi, Anwar mengingatkan pegawai kerajaan supaya bekerja lebih keras sejajar dengan usaha meningkatkan imej dan prestasi perkhidmatan awam sebagai perkhidmatan yang beramanah.

Anwar juga menyelar sesetengah pegawai kerajaan yang mengamalkan gaya hidup mewah yang tidak menggambarkan pendapatan mereka yang sebenar. --

BERNAMA

ZAB NMO